



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
23 JANUARI 2019 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- | | |
|------------------------------|----|
| - Hikers warned to stay away | 02 |
|------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Banglo mewah pusat judi online | 20 |
|----------------------------------|----|

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Tingkat keyakinan pelajar melalui bakat seni | 22 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 JANUARI 2019 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Hikers warned to stay away
Muka Surat	02

2 News

STARMETRO, WEDNESDAY 23 JANUARY 2019



(Left) Bukit Saga is in a forest reserve and should be off limits to hikers.
— Filepic

(Right) In January last year a boulder from the SUKE construction site fell and covered houses and cars in mud.
— Filepic

Hikers warned to stay away

TS 23/1/19
MS 02.

Many illegally enter SUKE construction site to climb up Bukit Saga

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

HIKERS found trespassing the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE) construction site at Taman Saga, Ampang, risk being apprehended and handed over to the police.

SUKE general manager Faizal Othman said harsh action would be taken against trespassers as it concerned safety.

"The area is an active construction site and only authorised personnel are allowed in," he said.

Faizal added that hikers force open the hoarding around the site to access the hiking trail at Bukit Saga.

"Even with signs to clearly indicate that no one is allowed in, they still come in," he said.

Faizal cited a rockfall incident in January last year when a huge boulder fell from a height of more than 35m from the SUKE construction site into a pool of mud, covering cars and houses. Ten houses along Jalan Saga 28 were affected.

Faizal was speaking at a dialogue with members of the Selangor

Bukit Ampang Hikers Association. Also present were Teratai assemblyman Bryan Lai and Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) representatives.

Lai said his office would be working with SUKE, MPAJ and the Selangor Forestry Department to determine a suitable hiking route once the project was completed.

"Bukit Saga is a forest reserve and comes under the purview of the forestry department.

"Hikers should not be climbing here. Nevertheless, we are in discussions to find a safe hiking trail

when the major physical works are completed by the middle of next year," he said.

Under Section 47 (1) of the National Forestry Act 1984, only authorised persons can enter a forest reserve.

Also in the pipeline is an estimated RM3mil food and recreation centre that will be built at the foot-hills of Bukit Saga once SUKE and a nearby housing project are completed.

MPAJ Landscape Maintenance unit head Mohd Jelani Aman said once the centre was built it could

become a popular tourist destination.

"The roadside stalls at Jalan Saga 29 will be relocated there, which is more suitable than the current location which is by the side of a steep slope," he said, adding there would be parking bays and toilet facilities.

Hiker Chai Meng Weng said most of the trespassers were outsiders.

"We are hoping to find an alternative route that would be more suitable," he said, adding that hikers also wanted the hiking trails legalised.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 JANUARI 2019 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Banglo mewah pusat judi online
Muka Surat	20



ANGGOTA polis dari Unit D7 menahan beberapa pelanggan yang asyik bermain judi online dalam serbuan di dua buah banglo mewah di 20 Trees West, Taman Melawati, Ampang Jaya, Selangor, semalam.

Banglo mewah pusat judi online

um 23/1/19 M/S 20 .

AMPANG JAYA 22 Jan. - Sebanyak 23 warga China termasuk dua wanita ditahan dalam serbuan di dua buah banglo mewah di 20 Trees West, Taman Melawati, di sini hari ini.

Serbuan kira-kira pukul 1 petang dijalankan Bahagian Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Ibu pejabat Polis Kontingen Selangor dengan kerjasama Bukit Aman itu dibuat selepas menerima maklumat awam mengenai kegiatan mempromosikan judi online (dalam talian) secara haram.

Pegawai Turus D7 Selangor,

Deputi Superintendent Mohd. Khaizam Ahmad Shahabudin berkata, sindiket itu diperkatakan telah berpangkalan di negara ini selama dua bulan.

"Hasil siasatan awal mendapati, mereka hanya mentadbir urusan judi dalam talian dari sini dan pelanggan mereka berada di China. Kesemua suspek mendakwa tahu kerja mereka sebagai pengendali (admin) judi online, malah sebelum mula bekerja, mereka semua dikehendaki menghadiri kursus, namun ekoran gaji ditawarkan sebanyak RM3,000

sebulan, mereka tidak kisah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas operasi selama lima jam tersebut tamat.

Menurut Mohd. Khaizam, dalam serbuan tersebut, pihaknya merampas masing-masing 10 komputer dan komputer riba serta 85 telefon pintar.

"Kesemua yang ditahan berusia antara 20 dan 36 tahun dibawa ke Ibu pejabat Polis Daerah Ampang Jaya untuk disiasat mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953," ujarnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 JANUARI 2019 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tingkat keyakinan pelajar melalui bakat seni
Muka Surat	22

Tingkat keyakinan pelajar melalui bakat seni

SH 23/1/19 M/S 22

PANDAN INDAH - Seramai 50 orang yang terdiri daripada guru, penjawat awam dan para pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah dari kawasan sekitar Gombak dan Ampang menunjukkan bakat dalam pementasan teater Sirih Bertepuk Pinang Menari karya Sasterawan Negara Datuk Noordin Hassan, baru-baru ini.

Para pelajar yang terlibat diberi ruang untuk mempamerkan kemantapan persembahan melalui proses persediaan dan penyertaan secara 100 peratus tanpa penglibatan tenaga kerja profesional.

Menurut kenyataan, latihan dan keparisan dari aspek persembahan, sinografi dan pengarahan terdiri dalam kalangan guru sekolah yang berpengalaman luas dalam bidang teater.

Secara jelas, persembahan ini menjentik semangat patriotik, dan menitikkan pemupukan nilai-nilai murni serta memartabatkan Bahasa Melayu dalam ka-

langgar warga serta menegakkan isu-isu semasa tanah air merangkumi pelbagai aspek kehidupan.

Objektif teater itu dipersembahkan bagi memartabatkan dan merakyatkan teater kepada masyarakat tanpa mengira jantina, kaum maupun agama.

Selain itu, ia dapat mengembangkan bakat seni dan kognitif melalui latihan intensif berorientasikan persembahan ber-impak tinggi sekaligus meningkatkan keyakinan pelajar melalui bakat seni.

Teater Sirih Bertepuk Pinang Menari merupakan sebuah teater berkonsepkan semi muzikal yang memaparkan citra kehidupan masyarakat kampung dan istana.

Elemen keindahan bahasa, semangat patriotik seorang pemimpin, serta bait-bait dialog yang puitis dan berlagu menjadikan ia sebuah naskhah kontemporer yang menarik untuk dipertontonkan kepada masyarakat.



Antara pelakon dan krew produksi teater Sirih Bertepuk Pinang Menari.